

# **Kehalusan Dan Keindahan Nilai Seni melalui Konsep Ubudiyah**

**1994**

**Maktab Perguruan Batu Lintang**

**Putit bin Haji Gani**

Islam dan seni merupakan dua perkara yang berbeza dan amat mudah dibezakan, tetapi seni dan hakikatnya tidak dapat dipisahkan daripada Islam. Islam sebagai Ad-din yang melengkapi sistem kehidupan insan manusia dengan kesempurnaan, keuniversalan dan keabadian itu sendiri adalah suatu ayang teramat seni. Ia bukan sahaja mencakupi ruang lingkup hubungan manusia dengan Allah, tetapi juga hubungan manusia dengan manusia dan alam. Islam bukan sahaja membicarakan soal-soal keagamaan malah juga soal-soal kehidupan.